

19/02/2003

Qatar setuju sidang khas OIC

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

PUTRAJAYA: Qatar, Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) sekarang, akhirnya menyokong usaha Malaysia mengadakan mesyuarat tidak rasmi di kalangan negara anggota OIC yang akan diadakan sehari selepas Sidang Kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM), pada 26 Februari ini.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berkata perkara itu disampaikan oleh Emir Qatar, Sheikh Hamad Khalifa Al-Thani kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Selain itu, Menteri Luar Qatar, Sheikh Hamad Jaseem Al-Thani turut menelefon Syed Hamid untuk menyatakan sokongan mereka kepada hasrat Malaysia mengadakan mesyuarat tidak rasmi itu.

"Kedua-dua pemimpin Qatar itu juga meminta Malaysia menyokongnya dalam mengadakan Sidang Kemuncak Tergempar OIC di Doha," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan tajaan Petronas dan buku sempena NAM, di sini semalam.

Qatar sebelum ini membantah cadangan Malaysia untuk mengadakan mesyuarat tidak rasmi itu kerana mahu ia diadakan di Doha, walaupun tidak menetapkan sebarang tarikh.

Rancangan untuk mengadakan mesyuarat berkenaan tercetus apabila Presiden Iran, Mohammad Khatami menghubungi Dr Mahathir, meminta supaya mengambil kesempatan berikutan kehadiran ramai pemimpin negara Islam dalam sidang kemuncak NAM bagi mengadakan mesyuarat khas berkenaan.

Syed Hamid berkata, Malaysia bersetuju untuk memberi sokongan kepada Qatar menganjurkan sidang tergepang berkenaan walaupun tarikhnya belum ditetapkan.

"Malaysia akan menyertai sidang tergepang itu tetapi apa yang lebih penting sekarang ialah mesej, baik daripada NAM atau OIC, iaitu peperangan bukan penyelesaian kepada sebarang konflik" katanya sambil menambah kenyataan itulah yang akan menjadi asas kepada semua perbincangan.

Mengenai sambutan dari anggota OIC sendiri kepada mesyuarat tidak rasmi itu, Syed Hamid berkata beliau baru menghantar surat jemputan kelmarin.

"Sebenarnya, tujuan sebenar kita nak mengadakan mesyuarat ini juga adalah disebabkan timbulnya permintaan dari beberapa anggota OIC yang menganggap konflik Iraq perlu diberi perhatian segera.

"Justeru, mereka merasakan anggota OIC patut berbincang antara satu sama lain. Malaysia gembira dengan perkembangan ini kerana ada kesedaran (dari OIC) bahawa konflik berkenaan memberi kesan kepada negara OIC terutama yang berhampiran dengan Iraq.

"Adalah sesuatu yang menyedihkan jika Iraq sudah diserang, tetapi OIC masih belum menyatakan pendiriannya. Iraq juga adalah anggota kepada NAM dan OIC," katanya.

Mengenai persiapan NAM, beliau berkata, kira-kira 60 ketua kerajaan menyatakan persetujuan untuk menghadiri sidang kemuncak itu dan Kuala Lumpur berusaha sedaya upaya untuk memberi keselesaan kepada setiap delegasi.